

TARIKH	RABU, 20 NOVEMBER 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	MOSTI LAHIRKAN TENAGA KERJA, BAKAT STI UNTUK TARIK PELABUR
M/S	12
BIDANG	MOSTI
KATA KUNCI	MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

MOSTI lahirkan tenaga kerja, bakat STI untuk tarik pelabur

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kini dalam fasa menyiapkan tenaga kerja dan bakat dalam sains, teknologi dan inovasi (STI) selaras agenda kerajaan menarik pelabur dalam bidang teknologi.

Menterinya, Chang Lih Kang berkata, ketika ini kerajaan menumpukan kepada tenaga kerja Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkemahiran tinggi.

“Kita kini beralih daripada industri dan pelaburan intensif buruh kepada pelaburan bernilai tinggi serta berteknologi tinggi,” katanya ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Penutup Karnival Minggu Sains Negara (MSN) dan Malaysia Techlympics

2024 Peringkat Akhir Kebangsaan di sini, semalam.

Menurutnya, selepas menyediakan bakat dan tenaga kerja mencukupi, negara tidak lagi perlu bergantung kepada tenaga kerja luar.

Sementara itu, Lih Kang dalam ucapannya berkata, Mosti akan meneruskan pelaksanaan program Malaysia Techlympics sebagai inisiatif memupuk minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pertandingan yang lebih menyeronokkan.

Ujarnya, inisiatif ini menekankan objektif membudayakan belia dengan minda kritikal, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna serta berimpak tinggi.

“Sepanjang 2024, Mosti telah menganjurkan lapan Karnival MSN peringkat negeri dengan jumlah pengunjung dianggarkan 100,000 orang.

“Pada masa sama, pelaksanaan MSN 2024 secara dalam talian telah bermula April dan berakhir pada penghujung bulan Oktober lalu,” katanya.

Jelas beliau, secara keseluruhannya, penganjuran MSN 2024 mencatatkan hampir 2.4 juta peserta dari seluruh negara.

Katanya lagi, ini adalah penganjuran kali ketiga Malaysia Techlympics di mana kali ini lebih 2,000 peserta dari 538 pasukan berkumpul bersama-sama dan bersaing di Peringkat Zon Akhir Kebangsaan semalam dalam 17 pertandingan yang diadakan.



CHANG Lih Kang (empat dari kanan) bersama para penerima Anugerah Saintis Muda Negara 2024 dalam majlis perasmian penutup Karnival Minggu Sains Negara dan Malaysia Techlympics 2024 Peringkat Akhir Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM